

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2012/2013**

| | | |
|--------------------|---|--|
| NAMA KURSUS | : | PENGURUSAN PEMBELAJARAN |
| KOD KURSUS | : | BBD 18104 |
| PROGRAM | : | SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SEKOLAH RENDAH) DENGAN KEPUJIAN |
| TARIKH PEPERIKSAAN | : | DISEMBER 2012 / JANUARI 2013 |
| JANGKA MASA | : | 2 JAM 30 MINIT |
| ARAHAN | : | JAWAB SEMUA SOALAN |

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI (24) MUKA SURAT

SULIT

1. Seorang guru memberikan ganjaran berupa buku cerita jika muridnya dapat mengubah sikapnya yang tidak suka mengambil bahagian dalam aktiviti di dalam kelasnya. Nyatakan jenis peneguhan yang diaplikasikan oleh guru tersebut.
 - A. Peneguhan sendiri.
 - B. Peneguhan positif.
 - C. Peneguhan negatif.
 - D. Peneguhan dendaan.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan 'Kesediaan Belajar'?
 - A. Sekumpulan manusia yang saling berkongsi, bertindak secara koperatif dan kolaboratif.
 - B. Belajar melalui proses membuat, mengalami atau melalui sendiri apa yang di pelajari.
 - C. Keadaan seseorang individu yang membolehkannya menikmati pembelajaran dengan berkesan.
 - D. Keadaan atau suasana belajar yang dapat merangsang minat belajar kanak-kanak dalam mencapai matlamat perubahan tingkah laku.

3. Menurut Teori Piaget dan Thorndike terdapat 3 kesediaan belajar. Berikut adalah huraian 3 teori tersebut **kecuali**
 - A. Penggunaan deria motor, symbol dan berkeupayaan berbahasa.
 - B. Sikap, nilai dan minat dan perasaan seseorang individu penting untuk keberkesanan pembelajaran murid-murid.
 - C. Kesediaan melakukan aktiviti-aktiviti yang memerlukan otot-otot.
 - D. Memberi tumpuan kepada perkembangan konsep sendiri, motivasi intrinsik dan kesedaran sendiri pelajar.

4. Antara huraian salah satu faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan belajar ialah "guru harus mewujudkan suasana bilik darjah yang mesra dan riang untuk membina perhubungan yang erat seterusnya menyumbangkan kepada keadaan emosi yang stabil". Apakah faktor tersebut.
 - A. Kematangan.
 - B. Pengalaman.
 - C. Kemahiran asas.
 - D. Aspek emosi.

5. Terdapat 3 aspek utama dalam alam belajar iaitu fizikal, psikososial dan komuniti pembelajaran. Berikut ialah tentang huraian aspek fizikal sendiri **kecuali**
 - A. Guru hendaklah mengambil kira konteks luar dan berusaha untuk mendapatkan kerjasama komuniti satu masyarakat dalam membentuk peribadi murid.
 - B. Belajar berfikir, berkawan, membentuk peraturan, mematuhi peraturan, berkongsi alatan.
 - C. Fizikal sekolah dan bilik darjah pentign bagi pembelajaran peringkat umur persekolahan.
 - D. Persekitaran bilik darjah dan sekolah: lokasi sekolah, kemudahan dan kelengkapan sekolah, bahan bantu mengajar, susur atur meja kerusi, pengudaraan dan lain-lain.

6. Elemen-elemen alam belajar yang membentuk sistem sosial di sekolah antaranya adalah
 - A. Ibu bapa.
 - B. Murid.
 - C. Sistem Pengurusan Sekolah.
 - D. Rakan sebaya.

7. Apakah ciri-ciri seorang guru yang berjaya menarik minat murid di dalam kelas?
 - A. Rajin.
 - B. Berkaliber.
 - C. Berdedikasi.
 - D. Membuat perancangan sebelum, semasa dan selepas pengajaran.

8. "Tingkah laku memberi perhatian atau dalam erti kata lain memberi penumpuan dan pemerhatian adalah langkah pertama dalam proses pengajaran dan pembelajaran". Kata-kata kajian di atas adalah menurut kajian
 - A. Thorndike.
 - B. Gagne.
 - C. Maslow.
 - D. Piaget.

9. Guru boleh mengenali diri murid, berkomunikasi dengan keluarga murid secara formal dan informal juga boleh mengenalpasti peranan komuniti dan sosioekonomi merupakan implikasi strategi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teori
 - A. Ekologi Bronfrenbrenner.
 - B. Abraham Maslow.
 - C. Mc Millan Dan Cavis.
 - D. Kajian Grace.

10. Ciri-ciri yang perlu ada pada seorang guru untuk meningkatkan komunikasi berkesan adalah seperti berikut **kecuali**
- A. Mengamalkan demokrasi dalam komunikasi.
 - B. Menyesuaikan diri dengan situasi.
 - C. Mengamalkan konsep tunggu dan lihat.
 - D. Menggunakan bahasa yang berkesan.
11. Apakah kepentingan hubungan yang baik antara guru dan murid?
- A. Supaya guru dapat mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik.
 - B. Supaya murid-murid mempunyai strategi pembelajaran yang berbeza.
 - C. Supaya murid-murid suka bermain dengan seronok.
 - D. Supaya guru tidak diganggu semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
12. Bagaimanakah contoh komunikasi yang paling berkesan oleh guru di dalam bilik darjah?
- A. Guru menunjukkan rasa hormat keterlaluan kepada muridnya.
 - B. Guru selalu memantau ibu bapa murid-muridnya agar dapat menyedari tentang apa juga kesukaran yang dihadapi oleh mereka.
 - C. Guru sentiasa mengambil berat masalah yang dihadapi murid dan sentiasa cuba mengatasinya.
 - D. Guru dan murid sentiasa tidak banyak berbincang tentang hal-hal lain selain pelajaran.
13. Definisi strategi mengurus bilik darjah ialah
- A. satu proses yang melibatkan penyusunan fizikal sesebuah bilik darjah.
 - B. satu proses yang melibatkan penyusunan emosi sesebuah bilik darjah.
 - C. satu proses yang melibatkan penyusunan jasmani sesebuah bilik darjah.
 - D. satu proses yang melibatkan penyusunan rohani sesebuah bilik darjah.
14. Apakah maksud Pendekatan Permisif (kebebasan)?
- A. kebebasan sepenuhnya diberikan kepada pelajar dengan tujuan untuk memperkembangkan potensi masing-masing.
 - B. guru menyediakan perkara-perkara yang boleh dilakukan.
 - C. kata pujian dan ganjaran digunakan.
 - D. dendaan digunakan dalam bilik darjah.

15. Apakah maksud pendekatan *autoritarian*?
- A. guru menyediakan perkara-perkara yang boleh dilakukan.
 - B. mengawal tingkah laku melalui kaedah yang menimbulkan perasaan takut dalam diri pelajar.
 - C. guru bersikap empati dalam memahami tingkah laku pelajar.
 - D. guru menetapkan peraturan-peraturan dan penguatkuasaan dilakukan tanpa sifat tolak ansur.
16. Apakah yang dimaksudkan dengan kemahiran mengurus bilik darjah?
- A. Seni melakukan kerja melalui dan bersama orang lain dalam sesuatu kumpulan.
 - B. Merujuk kepada aktiviti pengurusan bilik darjah yang dilakukan pada setiap hari persekolahan .
 - C. Kebolehan guru mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.
 - D. Kemahiran menetapkan garis panduan kepada tingkah laku murid di bilik darjah sebagaimana yang diharapkan.
17. Suasana bilik darjah yang baik dan kondusif merangkumi perkara-perkara di bawah **kecuali**
- A. Susun atur kerusi meja yang membolehkan guru memerhati semua murid sewaktu proses pembelajaran berjalan.
 - B. Susun atur kerusi meja yang membolehkan murid berpaling dan bergerak sewaktu proses pengajaran dan pengajaran .
 - C. Menghias bilik darjah dengan tumbuh-tumbuhan hidup dan haiwan peliharaan yang sesuai.
 - D. Menyediakan ruang atau sudut dalam suasana berbeza tetapi masih mengekalkan budaya belajar di dalam kelas.
18. Pembelajaran didefinisikan sebagai
- A. Interaksi di antara pelajar dengan guru.
 - B. Pemerolehan pengetahuan kemahiran dan atau sikap oleh pelajar.
 - C. Organisasi dalam pengetahuan oleh pelajar.
 - D. Aplikasi kaedah penyelesaian masalah kepada suasana pembelajaran yang baru.
19. Fungsi dan peranan sumber dalam pembelajaran adalah seperti berikut, **kecuali**
- A. Mengatasi perbezaan pengalaman peribadi dan pendidik.
 - B. Mengatasi batas-batas ruang kelas.
 - C. Mengatasi kesulitan apabila suatu benda yang diamati terlalu kecil.
 - D. Mengatasi suara yang lantang untuk didengar.

20. Fungsi sumber pembelajaran merangkumi
- I. Fungsi Media Pembelajaran Sebagai Sumber Belajar
 - II. Fungsi Semantik
 - III. Fungsi Manipulatif
 - IV. Fungsi Psikologis
- A. I, II dan III sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. I, III dan IV sahaja
D. I, II, III, IV
21. Sumber pembelajaran boleh dibahagikan kepada 4 jenis, iaitu
- I. Sumber berasaskan manusia.
 - II. Bahan bercetak.
 - III. Bahan pandang dengar.
 - IV. Sumber berasaskan komputer.
- A. I, II dan III sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. I, III dan IV sahaja
D. I, II, III, IV
22. Objek, model, gambar, carta, lukisan, graf, poster, lawatan dan pameran merupakan contoh bahan bantu mengajar dalam kategori
- A. bukan elektronik.
 - B. media elektronik.
 - C. bahan separa maujud.
 - D. bahan asas pembelajaran.
23. Pengumpulan dan penyimpanan bahan-bahan bantu mengajar tanpa sebarang sistem tertentu akan mengurangkan keberkesanan penggunaannya. Oleh itu, semua bahan perlu diorganisasikan mengikut cara-cara berikut, **kecuali**
- A. disusun secara berasingan mengikut mata pelajaran.
 - B. satu rekod senarai sumber pembelajaran hendaklah disimpan untuk rujukan.
 - C. carta, poster dan gambar yang mempunyai topik yang berbeza boleh dijilidkan dengan menggunakan tali atau gelang.
 - D. gambar, spesimen, carta dan hasil kerja murid boleh dipamerkan pada papan kenyataan atau digantung pada dinding untuk rujukan murid dari semasa ke semasa.

24. Apabila sumber pembelajaran diuruskan dengan berkesan, faedah yang akan diperolehi ialah
- A. masa lapang murid dapat diisi dengan secara yang berfaedah.
 - B. kemahiran manipulatif di kalangan murid dapat dipertingkatkan.
 - C. pergerakan sesuatu sumber pembelajaran mudah dikesan.
 - D. masalah disiplin murid dapat diselesaikan.
25. Menurut Gagne, apakah yang dimaksudkan dengan konsep kecerdasan ?
- A. Kemahiran menyelesaikan masalah sebenar dalam kehidupan .
 - B. berpunca daripada keturunan.
 - C. kecerdasan tidak boleh dipelajari.
 - D. hanya ada satu jenis kecerdasan.
26. Bagaimanakah cara guru mengajar murid-murid yang hiperaktif?
- A. menempatkan mereka di barisan belakang.
 - B. duduk berhampiran dengan tempat duduk guru.
 - C. membiarkan mereka bermain sendiri.
 - D. menghantar mereka ke bilik pemulihan.
27. Di antara yang berikut, yang manakah kategori kanak-kanak berkeperluan khas?
- I. lembap (slow learner).
 - II. disleksia.
 - III. masalah mental (gila).
 - IV. masalah kecacatan fizikal.
- A. I , II dan III sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. I , II dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
28. Murid-murid lambat mengalami berbagai-bagai jenis masalah pembelajaran. Pilih murid yang jelas memerlukan pendidikan pemulihan.
- A. Zainal kerap kali melihat ke luar bilik darjah.
 - B. Aini tidak dapat membezakan antara 'b' dengan 'd'.
 - C. Rani lemah dalam mata pelajaran Sains.
 - D. Kim Sim mendapat jumlah markah yang rendah dalam peperiksaan akhir tahun.

29. Berapakah tempoh belajar bagi murid-murid berkeperluan khas?

| | Sekolah Rendah | Sekolah Menengah |
|---|----------------|------------------|
| A | 2 tahun | 3 tahun |
| B | 3 tahun | 4 tahun |
| C | 5 tahun | 6 tahun |
| D | 6 tahun | 5 tahun |

30. Apakah konsep PENGAYAAN ?

- A. Aktiviti pembelajaran yang menarik dan mencabar memberi peluang kepada pelajar mengembangkan lagi sifat ingin tahu, semangat berdikari, daya cipta serta bakat kepimpinan mereka.
- B. Aktiviti tambahan kepada murid yang pandai dan telah menguasai satu kemahiran.
- C. Aktiviti pembelajaran yang menarik dan mencabar untuk mempertingkatkan pencapaian mereka.
- D. menyemai sifat berdikari dan minat belajar dalam aktiviti pembelajaran dan seterusnya membolehkan mereka terus mencari ilmu pengetahuan sendiri dalam seumur hidup.

31. Bagaimanakah cara mengatasi kepelbagaian budaya dalam pengajaran dan pembelajaran?

- A. Guru memberi tumpuan yang lebih kepada murid yang bijak.
- B. Guru menggunakan pelbagai bentuk bahan media dalam pembelajaran.
- C. Guru mengelakkan aktiviti kumpulan yang melibatkan pelbagai kaum.
- D. Guru perlu bersikap tegas dan kurang menunjukkan sikap mesra.

32. Berikut adalah sikap yang perlu ada bagi seorang guru untuk mengurus kepelbagaian budaya murid di dalam kelas **kecuali**

- A. Prihati dan peka terhadap situasi sekeliling.
- B. Penyarab menghadapi karenah murid pelbagai latar belakang.
- C. Bijak mengurus masa.
- D. Menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan guru sahaja.

33. Pembelajaran menggunakan Pendekatan Kooperatif adalah
- A. Murid-murid belajar secara bekerjasama antara murid berlainan kaum.
 - B. Murid-murid menjalankan sesi pembelajaran di luar bilik darjah.
 - C. Murid-murid belajar melalui kefahaman diikuti oleh ujian dan latihan.
 - D. Strategi pembelajaran yang digunakan seperti kuliah, latih tubi dan demonstrasi.
34. Selain mengajar, apakah peranan guru dalam bilik darjah?
- A. Penglibur lara.
 - B. Pentadbir.
 - C. Pengurus.
 - D. Pelakon.
35. Nyatakan empat konsep mengurus pembelajaran
- A. Merancang, mengarah, mengawal, merencana.
 - B. Mengelola, mengarah, mengawal, merancang.
 - C. Memaksa, mengelola, mengawal, merancang.
 - D. Mendidik, merencana, mengawal, mengarah.
36. Manakah jawapan yang tepat untuk definisi pengurusan oleh Moore, 2001.
- A. Proses perubahan yang berlaku dalam perlakuan pelajar.
 - B. Proses membentuk tingkah laku pelajar.
 - C. Proses mengatur dan melaksanakan segala urusan bilik darjah supaya pembelajaran dapat berlaku dengan sempurna.
 - D. Proses mendidik pelajar supaya mengikuti arahan yang diberikan oleh guru.
37. Iklim bilik darjah mempunyai pengaruh kuat terhadap pembelajaran murid **kecuali**
- A. pencahayaan yang mencukupi.
 - B. perabot pembelajaran yang selesa.
 - C. aliran udara yang baik.
 - D. perasaan mengantuk.
38. Kurikulum yang baik dan seimbang memainkan peranan utama dalam mencorakkan
-
- A. pengurusan kelas.
 - B. iklim.
 - C. hala pembelajaran.
 - D. bahan bantu mengajar.

39. Pilih bidang yang terlibat dalam pembelajaran seperti yang dinyatakan oleh ahli psikologi pendidikan Benjamin S. Bloom ?
- I. kognitif
 - II. sosiologi
 - III. psikomotor
 - IV. biologi
- A. I, II
B. II, III
C. I, III
D. II, III, IV
40. Pendekatan kognitif mengutamakan penggunaan _____ sebagai motivasi dalam proses pembelajaran.
- I. naluri ingin tahu.
 - II. pencapaian.
 - III. ganjaran.
 - IV. kesediaan belajar.
- A. I, II
B. III, IV
C. I, II, IV
D. I, II, III
41. Menurut Bruner, kanak-kanak yang baru masuk sekolah telah mempunyai _____ untuk kesediaan belajar.
- A. harapan.
 - B. minat.
 - C. motivasi intrinsik.
 - D. motivasi ekstrinsik.
42. Bilakah Sistem Maklumat Murid mula dilaksanakan ?
- A. Tahun 2007.
 - B. Tahun 2008.
 - C. Tahun 2006.
 - D. Tahun 2005.

43. Tempoh masa menanda kehadiran murid ialah
- A. Selewat-lewatnya satu jam sesudah waktu pelajaran pertama.
 - B. Selewat- lewatnya sebelum rehat.
 - C. Selewat-lewatnya sebelum balik.
 - D. Selewat-lewatnya sebelum pukul 10.00 pagi.
44. Apakah yang mesti ditulis dalam rekod kedatangan jika murid datang lewat ke sekolah?
- A. Perkataan 'lewat'.
 - B. Tanda 'O'.
 - C. Tanda 'L' dalam 'O'.
 - D. Tanda '/'.
45. Di antara berikut yang manakah **benar**?
- A. Maklumat bantuan patut diisi di dalam rekod kedatangan.
 - B. Keputusan ujian dan peperiksaan direkod dalam Buku Adab Belajar.
 - C. Kad 002 boleh dilihat oleh semua orang.
 - D. Sistem Maklumat Murid diisi maklumat kedatangan murid.
46. Di antara berikut, yang manakah **bukan** perbezaan kesediaan murid untuk belajar?
- A. Faktor kekayaan keluarga.
 - B. Faktor sikap dan minat.
 - C. Faktor jantung.
 - D. Faktor pertumbuhan fizikal
47. Faktor yang mempengaruhi kesediaan murid belajar termasuklah
- A. Kekurangan diri.
 - B. Kesibukan ibubapa.
 - C. Kebolehan berinteraksi dengan guru dan rakan.
 - D. Kesihatan terganggu.
48. Bagaimanakah cara seorang guru dapat memotivasikan murid untuk belajar?
- A. Memaksa murid untuk belajar.
 - B. Mengajak mereka belajar sambil bermain.
 - C. Menggunakan rotan untuk menarik minat mereka.
 - D. Mendenda sekiranya mereka tidak faham.

49. Di antara berikut yang manakah **salah**?
- Guru perlu mengadakan perbincangan dengan murid untuk menarik minat mereka.
 - Guru perlu mengadakan lawatan sambil belajar untuk menambah pengetahuan murid tanpa mereka sedari.
 - Guru mestilah bercerita kisah keluarga mereka untuk menunjuk-nunjuk.
 - Kaedah inkuiri penemuan menjadikan murid seronok belajar.
50. Strategi manakah yang tidak sesuai digunakan untuk memotivasikan murid?
- Memberi ganjaran.
 - Mengucapkan tahniah.
 - Memenuhi keperluan murid.
 - Menjauhkan diri dari murid.
51. Pengetahua → _____ → Aplikasi → _____ → Sintesis → _____
- Pilih aras kemahiran kognitif yang betul mengikut susunan yang diberikan diatas.
- analisis, kefahaman, penilaian
 - penilaian, kefahaman, penerimaan
 - kefahaman, analisis, penilaian
 - kesediaan, tindakbalas, penilaian
52. Prinsip-prinsip yang harus dibekalkan untuk membantu guru mengajar dengan berkesan ialah
- Pembelajaran pelajar meningkat jika pengajaran dan pembelajaran bermula daripada tahap pengetahuan sedia ada pelajar.
 - Kejayaan merupakan autokratik guru.
 - Pengajaran yang tersusun dan jelas akan meningkatkan proses pembelajaran pelajar.
 - Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ialah pengajaran dan pembelajaran yang mengambil kira perbezaan individu.
- I, II sahaja
 - I, II, III sahaja
 - I, III, IV sahaja
 - II, III, IV sahaja

53. Guru perlu berpengetahuan dalam bidangnya supaya pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Di antaranya ialah ciri-ciri profesional seorang guru
- I. Kecekapan bidang
 - II. Kepelbagaian kaedah mengajar
 - III. Bersemangat (enthusiasm)
 - IV. Penglibatan pelajar dalam pengajaran
- A. I dan II sahaja
B. I , II dan III sahaja
C. I ,III dan IV sahaja
D. I , II , III, IV
54. Bagaimanakah seorang guru dapat menggunakan ruang pembelajaran untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran pembelajaran?
- A. Mengendalikan aktiviti lakonan dan permainan.
 - B. Menghiaskan bilik darjah supaya lebih menarik dan cantik.
 - C. Menyimpan buku-buku latihan untuk semua matapelajaran.
 - D. Mempamerkan semua hasil kerja murid.
55. Pn.Tan sedang mempertimbangkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk kelasnya.Strategi-strategi yang sesuai digunakan ialah
- I. Strategi yang menggalakkan pemindahan pembelajaran.
 - II. Strategi yang hanya menekankan pada pemikiran konvergen.
 - III. Strategi yang seronok dan memotivasikan.
 - IV. Trategi yang menggalakkan pemikiran divergen, kritis dan kreatif
- A. I, III dan IV sahaja
B. I, II dan III sahaja
C. I dan II sahaja
D. III dan IV sahaja
56. Pembentukan penanggapan yang betul adalah penting bagi menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Namun demikian,dari semasa ke semasa murid-murid masih menghadapi masalah membentuk tanggapan yang tepat. Murid membuat tanggapan yang salah lebih disebabkan oleh
- A. isi pelajaran di luar pengalaman murid.
 - B. arahan guru eksplisit dan spesifik.
 - C. contoh-contoh menarik dan manghayalkan.
 - D. imiginasi yang menarik dan mengkhayalkan.

57. Berikut adalah peranan guru **kecuali**
- I. Pengajar.
 - II. Pengurus.
 - III. Inovator.
 - IV. Pengacara.
- A. I dan III sahaja
B. I dan IV sahaja
C. I, II dan III
D. II, III dan IV
58. Perlakuan mengajar guru yang baik boleh ditinjau dari segi
- A. Penyelidikan.
 - B. Perancangan.
 - C. Penonjolan imej.
 - D. Disiplin.
59. Menurut J.M Cooper dalam bukunya “Classroom Teaching Skill”, pengajaran efektif ialah
- A. Pengalaman-pengalaman daripada hasil pengajaran guru yang dapat kekal dalam fikiran murid dan dapat digunakan untuk selesaikan masalah-masalah lain.
 - B. Pengajaran yang mempunyai aktiviti peneguhan yang cukup membolehkan murid memperkukuhkan apa yang dipelajari.
 - C. Pengajaran yang boleh meningkatkan pembelajaran di kalangan murid dalam suasana yang sihat serta bersemangat.
 - D. Hasil pembelajaran terakhir yang berjaya dicapai mengikut objektifnya.
60. Antara berikut yang mana **bukan** perlakuan mengajar guru dalam pelaksanaan.
- A. Membimbing murid-murid.
 - B. Mewujudkan komunikasi dan interaksi.
 - C. Memilih dan menyediakan bahan-bahan pengajaran.
 - D. Menyampaikan isi pelajaran.
61. Keberkesanan pengajaran dapat dilihat apabila guru.
- A. Melakukan penilaian terhadap teknik guru-guru lain.
 - B. Membuat rumusan tentang murid melalui laporan guru bertugas.
 - C. Menggunakan kaedah pengajaran yang sama untuk setiap topik yang diajar.
 - D. Menggunakan teknik penilaian terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

62. Guru menggunakan alat bantu mengajar dengan cekap untuk menyampaikan sesuatu konsep. Ini termasuk ciri pengajaran efektif dari segi
- Pelaksanaan.
 - Penilaian.
 - Perancangan.
 - Peneguhan.
63. Ciri-ciri pengajaran efektif dari segi perancangan ialah
- Aktiviti peneguhan dan soal jawab secara rawak.
 - Mempunyai objektif eksplisit berdasarkan sukatan dan kebolehan murid.
 - Pendekatan mengajar yang berpusatkan murid.
 - Strategi dan kaedah yang boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.
- I, II dan III sahaja
 - I, II dan IV sahaja
 - I, III dan IV sahaja
 - II, III dan IV
64. Untuk melaksanakan teknik mengajar yang berkesan, guru hendaklah menguasai ilmu pengajaran berikut **kecuali**
- Memahami murid-muridnya.
 - Mempunyai ilmu tentang topik yang diajar.
 - Mengolah isi kandungan mengikut kefahaman sendiri.
 - Mempunyai ilmu tentang matlamat, tujuan dan objektif pendidikan serta nilai-nilainya.
65. Dalam kemahiran mengajar, kemahiran perkembangan pelajaran dapat dikesan melalui ciri-ciri berikut
- Aktiviti penutup yang berkesan.
 - Perhatian dan minat murid dapat dilakukan.
 - Masa yang diperuntukan diuruskan menepati kuota.
 - Aktiviti pembelajaran dipelbagaikan dan sesuai untuk memupuk dan memotivasikan murid belajar.

66. Unsur utama teknik mengajar adalah
- I. Membuat keputusan.
 - II. Ilmu pengajaran guru.
 - III. Melaksanakan tindakan.
 - IV. Menggubal kurikulum
- A. I, II dan III sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. I, III dan IV sahaja
D. II, III dan IV sahaja
67. Antara berikut yang mana merupakan 3 ciri utama kemahiran mengajar berkesan?
- I. Boleh di tambah baik melalui latihan dan amalan.
 - II. Merangkumi objektif tingkah laku yang bertujuan serta berarah.
 - III. Menggunakan kaedah mandatori semasa menyampaikan pelajaran.
 - IV. Tahap kemahiran mengajar boleh dihayati daripada ketetapan prestasi, kelicinan serta kontekstual.
- A. I, II dan III sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. I, III dan IV sahaja
D. II, III dan IV sahaja
68. Antara berikut yang manakah merupakan langkah terakhir persediaan rancangan mengajar?
- A. Menentukan isi pelajaran.
 - B. Menentukan objektif pelajaran.
 - C. Mentafsir sukatan pelajaran.
 - D. Merujuk buku panduan mengajar.
69. Antara langkah-langkah pengurusan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berasaskan bahan-bahan berikut disusun mengikut turutan yang betul ialah
- I. Menentu bahan pelajaran yang sesuai.
 - II. Menilai keberkesanan penggunaan bahan pelajaran.
 - III. Mengaitkan bahan pelajaran dengan kaedah dan teknik mengajar.
 - IV. Menyusun bahan pelajaran mengikut peringkat proses pengajaran dan pembelajaran.
- A. I, IV, III, II
B. II, III, IV, I
C. III, II, I, IV
D. IV, I, II, III

70. Dua fungsi utama pengajaran guru ialah
- I. Menjaga disiplin pelajar.
 - II. Merangsang pembelajaran.
 - III. Menyampaikan ilmu pengetahuan.
 - IV. Mewujudkan situasi pembelajaran yang berkesan
- A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV
71. Kaedah pembelajaran ini membolehkan pelajar menilai kemunasabahan idea
- A. Kaedah pembelajaran amali.
 - B. Kaedah pembelajaran kreatif.
 - C. Kaedah pembelajaran simulasi.
 - D. Kaedah pembelajaran kritis.
72. Untuk meningkatkan prestasi pencapaian dalam pengajaran kelas, guru harus sering melaksanakan.
- I. Aktiviti penilaian.
 - II. Aktiviti pengukuhan.
 - III. Refleksi atas tindakan.
 - IV. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran
- A. I dan II sahaja
B. II dan IV sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. I, II, III, IV
73. Berikut adalah kepentingan guru mengetahui pengetahuan sedia ada pelajar **kecuali**
- A. Memilih bahan mengajar.
 - B. Membuat penilaian sosial.
 - C. Menentukan objektif pelajaran.
 - D. Menentukan strategi pengajaran.
74. Parlov, Thorndike dan Skinner adalah tokoh yang memperkenalkan teori pembelajaran mazhab
- A. Sosial.
 - B. Kognitif.
 - C. Humanis.
 - D. Behavioris.

75. Pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berkaitan dengan
- A. Penyebaran ilmu pengetahuan.
 - B. Pemahaman ilmu pengetahuan.
 - C. Aktiviti menggunakan ilmu pengetahuan.
 - D. Aktiviti memperdengar ilmu pengetahuan.
76. Dua fungsi utama pengajaran guru ialah
- I. Menjaga disiplin pelajar.
 - II. Merangsang pembelajaran.
 - III. Menyampaikan ilmu pengetahuan.
 - IV. Mewujudkan situasi pembelajaran yang berkesan.
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. II dan IV sahaja
 - D. III dan IV sahaja
77. Antara ahli psikologi kognitif ialah
- I. Kohler.
 - II. Bruner.
 - III. Bandura.
 - IV. Kenny Rogers.
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV
78. Aspek **utama** budaya sekolah yang membentuk iklim sekolah yang kondusif untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran ialah aspek
- I. fizikal.
 - II. sosial.
 - III. perkembangan intelek.
 - IV. penggunaan bahasa.
- A. I dan III sahaja
 - B. II dan IV sahaja
 - C. I, II dan IV sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja

79. Yang manakah berikut **TIDAK BENAR** tentang pembelajaran ?
- A. Pembelajaran yang bermakna merangkumi proses kognitif.
 - B. Pembelajaran merupakan proses memperolehi ilmu pengetahuan.
 - C. Pembelajaran boleh disifatkan sebagai proses adaptasi organisma.
 - D. Pembelajaran akan menghasilkan perubahan tingkah laku tetapi tidak boleh kekal lama.
80. Apakah yang dimaksudkan dengan profesion perguruan ?
- A. Profesion yang bermatlamatkan pembentukan insan dan ihsan manusia yang sempurna agar manusia yang sempurna itu mengerti tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap diri sendiri, masyarakat, alam yang mereka diami serta terhadap keesaan yang Maha Pencipta.
 - B. Profesion yang bermatlamatkan pembentukan insan dan ihsan manusia yang sempurna agar manusia yang sempurna itu mengerti tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap diri sendiri sahaja.
 - C. Pembentukan ihsan manusia yang mengerti tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat dan alam sekitar.
 - D. Pembentukan insan yang sempurna mengerti tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap diri sendiri, masyarakat, alam yang mereka diami serta terhadap keesaan yang Maha Pencipta.
81. Antara bidang pengetahuan dan kefahaman yang harus dikuasai oleh guru adalah dinyatakan seperti berikut **kecuali**
- A. Falsafah, matlamat, dan objektif pendidikan yang menjadi teras pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.
 - B. Kandungan mata pelajaran yang diajarkan.
 - C. Potensi guru dan cara mengembangkannya secara menyeluruh dan bersepadu.
 - D. Strategi untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

- Cikgu Siti Zalena memberi aktiviti kumpulan dan murid-muridnya menjalankan aktiviti
- Murid-murid bertanggungjawab tentang hasil pembelajaran sendiri dan kumpulan
- Cikgu Siti Zalena sebagai fasilitator
- Murid-murid berinteraksi secara baik dengan ahli-ahli dalam kumpulan
- Murid-murid sedar bahawa mereka perlu bekerjasama untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran

82. Berdasarkan ciri-ciri yang dikemukakan di atas, Cikgu Siti Zalena telah melaksanakan kaedah
- A. Kelas.
 - B. Koperatif.
 - C. Inkuiri penemuan.
 - D. Pembelajaran sendiri.
83. Penutup kognitif meliputi _____
- I. aktiviti rumusan.
 - II. aktiviti pengukuhan.
 - III. aktiviti peneguhan.
 - IV. aktiviti susulan.
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan IV sahaja
 - D. I, II, III, IV
84. Tujuan utama membuat refleksi selepas aktiviti pengajaran-pembelajaran ialah
- A. mengenal pasti kelemahan murid.
 - B. mengenal pasti kelemahan guru.
 - C. menganalisis masalah pengajaran-pembelajaran.
 - D. mempertingkatkan keberkesanan pengajaran-pembelajaran.

85. Manakah antara berikut merupakan langkah-langkah pengajaran dalam rancangan pengajaran harian yang disediakan oleh guru?
- I. Set induksi.
 - II. Isi pelajaran.
 - III. Bilangan murid.
 - IV. Aktiviti penilaian.
 - V. Pengetahuan sedia ada.
- A. I, II dan IV sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. III, IV dan V sahaja
86. Set induksi merupakan suatu proses yang digunakan pada permulaan sesi pengajaran bertujuan menarik perhatian serta mendorong pembelajaran. Tujuan utama set induksi ialah
- A. memberi motivasi kepada murid-murid supaya minat datang kelas.
 - B. mengenalpasti permasalahan murid terhadap pembelajaran di kelas.
 - C. menimbulkan perasaan ingin tahu murid terhadap satu-satu konsep pelajaran.
 - D. menggalakkan murid untuk sentiasa bersedia dengan soalan yang akan dikemukakan.
87. Antara berikut, yang manakah tidak boleh digolongkan sebagai ciri-ciri pembelajaran secara koperatif?
- A. Murid dilatih dengan akauntabiliti diri.
 - B. Kemahiran interaksi sosial dapat dipupuk.
 - C. Menggunakan komputer sebagai media pengajaran dan pembelajaran.
 - D. Murid melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran kumpulan.
88. Syarat utama untuk pelaksanaan pembelajaran masteri dengan berkesan ialah
- A. Guru mesti menguasai kemahiran mengajar.
 - B. Murid harus menguasai kemahiran belajar terlebih dahulu.
 - C. Pengajaran dan pembelajaran adalah berkualiti serta ada masa yang mencukupi.
 - D. Bahan pelajaran adalah lengkap dan sesuai.

89. Yang manakah susunan langkah pembelajaran masteri berikut adalah sesuai?
- I. Pelaksanaan ujian diagnostik.
 - II. Pelaksanaan aktiviti pemulihan dan aktiviti pengayaan.
 - III. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan objektif pelajaran.
 - IV. Mengulang proses hingga unit pelajaran terakhir.
- A. I, II, III, IV
B. II, IV, I, III
C. III, I, II, IV
D. III, IV, I, II
90. Strategi pengajaran ini memerlukan seorang guru mengawal semua aktiviti pembelajaran. Guru memainkan peranan yang sangat penting sementara peranan murid-murid adalah sebagai penerima. Kenyataan tersebut merujuk tentang
- A. strategi berasaskan sumber.
 - B. strategi memusatkan murid.
 - C. strategi memusatkan guru.
 - D. strategi berasaskan tugas.
91. Ciri-ciri pembelajaran adalah seperti berikut, **kecuali**
- A. merupakan proses perubahan tingkah laku.
 - B. perubahan tingkah laku adalah agak tetap.
 - C. perubahan tingkah laku dicapai melalui pengalaman.
 - D. dihasilkan oleh faktor biologi.
92. Di sekolah rendah, pengajaran dan pembelajaran menumpukan strategi-strategi berikut, **kecuali**
- A. strategi pemusatan guru.
 - B. strategi pemusatan bahan.
 - C. strategi pemusatan murid.
 - D. strategi penggabungjalinan dan penyerapan.
93. Berikut ialah ciri-ciri pembelajaran koperatif, **kecuali**
- A. tiada akauntabiliti diri.
 - B. kepimpinan berkongsi.
 - C. pemupukan kemahiran sosial.
 - D. saling pergantungan koperatif.

- Cikgu Siti memberi aktiviti kumpulan dan murid-muridnya menjalankan aktiviti.
- Murid-murid bertanggungjawab tentang hasil pembelajaran sendiri dan kumpulan.
- Cikgu Siti sebagai fasilitator.
- Murid-murid berinteraksi secara baik dengan ahli-ahli dalam kumpulan.
- Murid-murid sedar bahawa mereka perlu bekerjasama untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran

94. Berdasarkan ciri-ciri yang dikemukakan di atas, Cikgu Siti telah melaksanakan kaedah
- A. kelas.
 - B. koperatif.
 - C. inkuiri penemuan.
 - D. pemberian sendiri
95. Model pembelajaran masteri melibatkan
- I. Pengajaran dan pembelajaran.
 - II. penentuan objektif pembelajaran.
 - III. aktiviti pengayaan dan pemulihan.
 - IV. berkomunikasi dengan berkesan.
- A. I dan II
 - B. III dan IV
 - C. I, II dan III
 - D. II, III dan IV
96. Kaedah pembelajaran ini merupakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan semua pelajar menguasai hasil pembelajaran sesuatu unit pembelajaran sebelum ke unit pembelajaran seterusnya
- A. pembelajaran masteri.
 - B. pembelajaran simulasi.
 - C. pembelajaran secara kontekstual.
 - D. pembelajaran inkuiri dan penemuan.
97. Kaedah pembelajaran ini melibatkan proses soal selidik untuk mendapatkan jawapan atau kesimpulan daripada soalan atau masalah yang dikemukakan.
- A. pembelajaran masteri.
 - B. pembelajaran secara kontekstual.
 - C. pembelajaran kerja berkumpulan.
 - D. pembelajaran inkuiri dan penemuan.

98. Semasa merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk Pembelajaran Masteri, seseorang guru harus mengambil kira perkara-perkara berikut **kecuali**
- A. Masa yang diperuntukkan.
 - B. Kebolehan dan keupayaan murid yang berbeza.
 - C. Kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran.
 - D. Jenis penilaian yang akan digunakan.
99. Berikut adalah langkah-langkah untuk menjalankan Pembelajaran Masteri. Apakah susunan langkah yang paling sesuai?
- I. Pengajaran dan pembelajaran.
 - II. Penilaian.
 - III. Penentuan hasil pembelajaran.
 - IV. Tindakan susulan
- A. I, II, III dan IV
 - B. I, III, IV dan II
 - C. III, I, II dan IV
 - D. III, IV, I dan II
100. Strategi pembelajaran ini memerlukan pemenuhan keperluan seperti motivasi, pemahaman, kemahiran dan penilaian. Strategi pembelajaran yang dimaksudkan ialah
- A. Belajar cara belajar.
 - B. Pembelajaran masteri.
 - C. Inkuiri dan penemuan.
 - D. Pembelajaran secara kontekstual.